

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

YKA 101/NKM 011 - Pengantar Komunikasi Manusia

Masa: [3 jam]

Jawab EMPAT (4) soalan.

1. Kenalpasti tiga jenis konflik di dalam perhubungan anda dengan kawan dan kenalan. Apakah strategi komunikasi yang boleh anda gunakan? Kenapa pula sesuatu strategi itu tidak berkesan.
(25 markah)

2. Terdapat satu pandangan sarjana bahawa "Apabila seseorang berkomunikasi ia akan membuat ramalan tentang kesan perilaku komunikasinya." (Gerald Miller, 1976). Bincangkan.
(25 markah)

3. Apakah strategi komunikasi bukan lisan yang boleh digunakan untuk mengubah tindakan, sikap dan pembelajaran orang lain? Berikan contoh.
(25 markah)

4. Bagaimana 'Johari Window' membantu pemahaman kita tentang pendedahan kendiri dan ke arah komunikasi yang berkesan?
(25 markah)

5. 'Para penonton dan juga pengguna mempunyai berbagai mekanisme dalam dirinya yang boleh membentengkan atau menapis maklumat yang diterimanya. Penonton dan pengguna mempunyai mekanisme pertahanan diri dan pemilihan dan sebagainya dalam dirinya.' (Mansor, Ramli dan Shawaluddin, m.s. 100).
Sejauh mana proses pembujukan dan propaganda berjaya jika perkara ini berlaku?
(25 markah)

...2/-

6. Di dalam teori komunikasi, kumpulan kecil ialah kumpulan manusia yang berinteraksi secara lisan dan bukan lisan yang memainkan peranan tertentu dan bekerjasama untuk mencapai matlamat khusus. Kita selalu berkomunikasi di dalam kumpulan kecil. Huraikan kenyataan di atas.

(25 markah)

7. Masalah perpaduan kaum di Malaysia berpunca dari soal sikap, prasangka dan etnosentrisme bukan komunikasi. Bincangkan.

(25 markah)

-ooo0ooo-